

 	PEJABAT BURSAR Kod Dokumen: DF052/BYR
	MAKLUMAN BAYARAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN KENDERAAN

Rujukan Kami :

Tarikh :

Tuan/Puan

MAKLUMAN BAYARAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN KENDERAAN

Dimaklumkan bayaran pinjaman/pembiayaan kenderaan tuan/puan telah dibuat kepada pembekal seperti berikut:-

- a) No Baucar : _____
- b) No EFT : _____
- c) Tarikh : _____
- d) Jumlah : _____

Ingin dimaklumkan juga bahawa pihak tuan/puan adalah dikehendaki untuk membawa kenderaan yang sudah dibeli ke Bangunan Pentadbiran untuk dibuat pemeriksaan oleh Unit Pinjaman Kenderaan.

Tuan/puan juga perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut :-

- a) Resit /surat akuan asal penerimaan wang daripada penjual kenderaan;
- b) Salinan Cover nota /polisi insuran komprehensif/takaful untuk kenderaan yang telah dibeli dengan syarat nilai polisi tidak kurang dari jumlah pinjaman/pembiayaan yang tuan ambil. Sila pastikan salinan sijil pembaharuan insuran/takaful **setiap tahun** dihantar ke pejabat ini untuk pemeriksaan pihak Audit;
- c) Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan (Jabatan Pengangkutan Jalan); dan
- d) Invois asal bagi kenderaan baru atau surat jual beli bagi kenderaan terpakai.

Tuan/puan diberi tempoh **30 hari** dari tarikh bayaran diterima oleh pembekal untuk mengemukakan dokumen-dokumen di atas. Tuan/puan diingatkan bahawa pinjaman/pembiayaan ini boleh dibatalkan, sekiranya tuan/puan gagal mengemukakan dokumen berkenaan dan dengan itu tuan/puan dikehendaki menjelaskan sepenuhnya harga jualan yang diluluskan secara sekaligus. Jika gagal, Ketua Jabatan boleh mengambil tindakan untuk menahan gaji dan elaun tuan/puan sehinggalah kesemua baki harga jualan itu dijelaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan amanah,

 ()
 b.p. Bursar
 Universiti Putra Malaysia